RANCANGAN PENGAJARAN MINGGU 3

Peringkat	Menengah Tiga Ekspres
Masa	120 minit (2 jam) Minggu 3
Tarikh	Rabu, 4hb April 2012
Bilangan Pelajar	12 pelajar
Objektif	**Asesmen Tonton Menulis (ATM)** Pada akhir pelajaran, para pelajar dapat: 1. memahami latar cerpen tersebut, terutamanya latar masyarakat 2. menganalisa watak dan perwatakan berdasarkan soalan-soalan yang diberikan dalam aktiviti ATM 3. menilai persoalan yang terkandung dalam teks cerpen ini 4. mendeklamasikan sajak dan mengapresiasi sesi mendeklamasikan sajak **Persiapan untuk Asesmen Bahas Cemerlang (ABC)** Pada akhir pelajaran, para pelajar dapat:

	1. memahami fungsi dan peranan perbahasan 2. memahami teknik pengupasan I.H.C.R. yang perlu digunakan sewaktu sesi perbahasan
Pendekatan	➳ Menggunakan pendekatan Kecerdasan Pelbagai (*Multiple Intelligence*) ➳ Menerapkan konsep *Taxonomy Bloom* ➳ Menggunakan strategi *Problem Based Learning(PBL)*
Pengetahuan Sedia Ada	➳ Para pelajar telah membaca cerpen ’Menatap Wajahnya’ ➳ Para pelajar telah menjalani ATM dan ABC pada penggal 1 ➳ Para pelajar telah mendalami tema dan persoalan ➳ Para pelajar telah memahami plot, latar dan nilai ➳ Para pelajar telah mengenali watak dan perwatakan
Penilaian	**Formal/ Formatif** ➳ Pengamatan Guru ➳ Penilaian Kendiri ➳ Penilaian Guru
Bahan-Bahan	➳ Klip video – set induksi ➳ 3 klip video untuk ATM ➳ Kertas soalan ATM ➳ Sinaran pancaran lampu berwarna (projektor) ➳ Borang rubrik penilaian

LANGKAH/ MASA	JENIS PENILAIAN	AKTIVITI	RASIONAL	BAHAN
Langkah 1 (10 min)	**Informal** Pengamatan Guru. Guru menilai pemahaman pelajar melalui respons pelajar secara lisan.	**INDUKSI** Guru memainkan klip video "Nujum Pak Belalang" Guru bertanyakan beberapa soalan secara santai. Soalan-soalan seperti: Berikan watak dan perwatakan Tuan Puteri Bujur Sirih Berikan latar tempat yang dapat pelajar saksikan Adakah wajar mereka menculik tuan puteri itu?	Menarik Perhatian pelajar. Melatih pelajar untuk memberikan perhatian terhadap isi video. Klip ini dipilih kerana cerpen 'Pak Belalang' telah digunakan dalam Pakej 4A yang lalu. Dapat dijadikan ulang kaji secara tidak formal. Pelajar menjawab secara lisan.	Klip video http://www.youtube.com/watch?v=e8TJdbfVIZs&feature=related Hanya 2 minit pertama
Langkah 2 (40 min)	**Formatif** Rubrik Penilaian Guru. Guru menilai pemahaman dan pengapresiasian pelajar terhadap teks melalui jawapan pelajar.	**AKTIVITI ATM** Guru memberi arahan kepada pelajar. Klip-klip tersebut boleh digunakan untuk membantu pelajar menjawab 3 soalan yang diberi.	Klip video digunakan untuk membantu Visual Learner Aural Learner Verbal Learner	3 klip video hasil guru Lembaran ATM

	Formatif ➳ Ujian individu ➳ Pelajar sendiri menilai pemahaman mereka sewaktu ujian dijalankan.	➳ Pelajar boleh mencatit nota ketika klip tersebut dimainkan. ➳ Pelajar akan diberi masa selama 5 minit untuk menulis jawapan setelah berakhirnya setiap klip. ➳ 5 minit tambahan akan diberi untuk pelajar menyemak jawapan dan membetulkan jawapan masing-masing. ➳ Loceng akan dibunyikan untuk menjaga waktu pelajar. ➳ Pelajar menghantar lembaran ATM kepada guru.		
Langkah 3 (10 min)	**Informal** ➳ Pengamatan Guru. Guru menilai pemahaman pelajar melalui respons pelajar secara lisan.	**AKTIVITI IMBAS KEMBALI** ➳ Guru memberi arahan kepada pelajar. ➳ Bangun dari tempat masing-masing untuk sesi 'Galeriku' ➳ Pelajar dibenarkan berbincang. ➳ Pelajar boleh mengambil kesempatan ini untuk menyemak atau menghabiskan tugasan sajak yang diberikan minggu lepas.	➳ Setelah ATM, pelajar perlu menenangkan fikiran. Produk-produk yang dihasilkan pelajar secara tidak langsung dapat menghiburkan pelajar.	➳ Produk-Produk murid ➳ A3D ➳ AJC ➳ Muzik yang menenangkan fikiran.

		➳ Pelajar membuat persiapan untuk membentangkan sajak yang dihasilkan di rumah.		
Langkah 4 (40 min)	**<u>Formatif</u>** ➳ Rubrik Penilaian Guru. ➳ Guru menilai pemahaman dan pengapresiasian pelajar terhadap teks melalui hasil sajak. **<u>Informal</u>** ➳ Hasil tugasan individu Pelajar sendiri menilai pemahaman mereka melalui penghasilan sajak mereka	**<u>AKTIVITI APRESIASI SAJAK</u>** ➳ Guru memberi arahan kepada pelajar. ➳ Bahagian tengah kelas dikosongkan. ➳ Pelajar duduk di atas lantai secara santai. ➳ Bilik darjah digelapkan. ➳ Setiap pelajar akan diberi 3 minit untuk mendeklamasi sajak mereka. ➳ Pelajar akan memilih latar warna lampu yang disediakan oleh guru. ➳ 7 warna diberikan sebagai pilihan. ➳ Pelajar akan dinilai oleh guru sewaktu pelajar mendeklamasikan sajak mereka. ➳ Pelajar tahu aspek apa yang akan dinilai kerana guru telah menerangkan kepada mereka pada	➳ Bilik digelapkan. Hanya lampu dari projektor akan dihidupkan. Pelajar yang sedang membuat persembahan tidak akan berasa begitu takut kerana pelajar tersebut tidak dapat melihat pelajar lain. ➳ Pelajar memilih warna lampu untuk menunjukkan perasaan pelajar pada waktu itu.	➳ Lampu berwarna menerusi pancaran cahaya ’projector’ ➳ Rubrik penilaian

		minggu lepas. ➳ Lampu dihidupkan setelah pelajar terakhir mendeklamasikan sajak.		
Langkah 5 (20 min)	**<u>Informal</u>** ➳ Hasil tugasan individu Pelajar sendiri menilai pemahaman mereka melalui pemikiran idea sewaktu aktiviti ini.	**<u>AKTIVITI ABC</u>** ➳ Guru menjelaskan kepada pelajar kegiatan (perbahasan) yang bakal dijalankan pada minggu ke-4. ➳ Guru menerangkan fungsi perbahasan dengan menayangkan klip video dan slaid ringkas. ➳ Guru memberikan lembaran kerja yang mengandungi dua mauduk yang bakal dibahaskan pada minggu ke-4. ➳ Pelajar tidak perlu diberikan peranan dahulu. ➳ Sebagai tugasan rumah, setiap pelajar perlu melengkapkan lembaran dalam bentuk ringkas menggunakan pensel.	➳ Untuk memberi persediaan mental dan fizikal kepada para pelajar bagi pelajaran yang seterusnya. ➳ Dengan mengisi kotak-kotak kosong dalam lembaran yang guru berikan sebagai tugasan rumah, setiap pelajar akan bersedia menjawab mana-mana mauduk pada pelajaran pada minggu ke-4.	➳ Slaid ➳ Lembaran